

# Berita Harian

KHAMIS, 25 OKTOBER, 1979

## Malaysia dapat keyakinan dunia

KEPULANGAN Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dari lawatannya ke Eropah bukanlah sahaja membawa balik jaminan pelaburan sebanyak kira-kira \$500 juta yang bila menjadi kenyataan nanti akan memberi pekerjaan kepada sebilangan rakyat yang menganggur, tetapi juga menunjukkan betapa Malaysia telah mendapat kepercayaan dan keyakinan dunia terhadap keamanan dan kestabilannya.

Memanglah ada keraguan di antara setengah-setengah pelabur terhadap suasana pelaburan di tengah-tengah pergolakan di Indochina dan kesannya terhadap Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara yang lain. Untuk mengatakan tidak ada keraguan itu adalah seperti menipu diri sendiri pula. Dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan itu sendiri pun mengaku adanya keraguan itu. Tetapi ramai menerima penjelasan Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa perkembangan-perkembangan itu tidak sedikit pun menjejaskan suasana pelaburan di Malaysia.

Tidak kurang pentingnya ialah pelabur-pelabur di sana tidak mempersoalkan undang-undang mengenai pelaburan asing di Malaysia, yang oleh setengah-setengah pihak tertentu dari negara ini, cuba diputarbelitkan seolah-olah sengaja hendak menakutkan pelabur-pelabur asing supaya jangan melabur di Malaysia, satu perbuatan yang boleh disamakan dengan sabotaj terhadap kepentingan negara.

Kalau sebuah majalah perdagangan Switzerland sendiri mengaku bahawa Malaysia mengatasi negaranya sebagai sebuah pusat pelaburan yang besar, maka tentulah ada sesuatu yang tidak betul dalam fikiran orang-orang yang cuba mengkhianati negaranya sendiri. Bagaimanapun, ramai pelabur tidak mengambil berat tentang gambaran palsu yang cuba dilukiskan oleh pihak-pihak tertentu terhadap undang-undang pelaburan asing, dan kejayaan lawatan Timbalan Perdana Menteri ke Eropah itu tentulah telah mengikis sebarang keraguan.

Malaysia bukanlah negara tunggal yang mengadakan misi dan seminar perdagangan di luar negeri. Kita terpaksa bertanding dengan negara-negara lain terutama negara-negara jiran yang juga mengadakan misi dan seminar dagangan masing-masing di luar negeri bukan sahaja untuk mendapatkan pelaburan tetapi juga untuk memaju dan mengembangkan perniagaan mereka. Persaingan adalah satu realiti yang tidak dapat dielakkan dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Malaysia mula mencergaskan misi dan seminar perdagangannya di luar negeri tahun lalu. Ini bererti belum cukup dua tahun usaha sepesat itu berjalan. Tetapi dari hasil yang didapati, masa dan belanja yang telah digunakan itu tidaklah sesia.